

SULIT

SPSS/OKT2015/DPB3393/DPI3213



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>SISTEM KEWANGAN ISLAM</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DPB3393/DPI3213</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>OKTOBER 2015</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM 30 MINIT</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
  - BAHAGIAN A (15 Markah)
  - BAHAGIAN B (25 Markah)
  - BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A. Jawab **LIMA (5)** soalan dari BAHAGIAN B dan jawab **TIGA (3)** soalan dari BAHAGIAN C.
  - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
  - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap soalan di mukasurat baru.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Betul/Salah
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi LIMA BELAS (15) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Betul/Salah.

1. Taa'bud bermaksud mengabdikan diri sebagai hamba hanya kepada Allah SWT yang merupakan Tuhan yang maha satu.
2. Matlamat utama Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM) adalah untuk melahirkan golongan pakar dalam perbankan Islam sahaja.
3. Pasaran hadapan bertujuan untuk perlindungan nilai terhadap risiko turun naik harga pada masa hadapan.
4. Pelabur membeli syer pada harga yang rendah dan menjualnya semula pada harga yang tinggi untuk mendapatkan keuntungan.
5. Syariah membenarkan pemilik hutang untuk meminta sekuriti daripada penghutang sama ada dalam bentuk Ar-rahnu atau Al-kafalah.
6. Ra's Maal iaitu modal atau harga merupakan bayaran yang dibuat oleh pembeli sebagai wang pendahuluan.
7. Syariah Islam terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu aqidah, syariah dan akhlak.
8. Riba' Qardh merupakan jual beli atau pertukaran dua barang ribawi yang sama jenis dengan berbeza kadar timbangannya.
9. Penubuhan Bank Muamalat Malaysia Berhad adalah berikutan penggabungan Bank Bumiputera Malaysia Berhad dan Bank Persatuan Rakyat.
10. Model pelaksanaan perbankan Islam terbahagi kepada lima model yang berbeza terhadap sistem operasi perbankannya.
11. Kontrak kafalah dalam sistem perlindungan yang berkonsepkan takaful juga dikenali sebagai Daman dan Za'amah.
12. Bank-bank Islam merupakan bank-bank universal atau bank pelbagai guna dan bukan bank perdagangan semata-mata.

13. Waqaf merupakan institusi agama yang sah di mana seseorang dapat mendermakan sebahagian daripada hartanya untuk tujuan agama atau kebajikan.
14. Indeks Islam BSKL berfungsi untuk menjelaki saham-saham yang berlandaskan syariah di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).
15. Tanggungan gadaian iaitu jumlah yang berhutang merupakan salah satu perkara yang terdapat dalam rukun Ar-rahnu.

(15 markah)

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi ENAM (6) soalan. Jawab LIMA (5) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Jelaskan perbezaan Al-Mal dan Al-'Amal yang menjadi faktor-faktor pengeluaran dalam sistem ekonomi Islam.

(5 markah)

**SOALAN 2**

Nyatakan maksud Pasaran Kedua dan apakah fungsi pasaran tersebut.

(5 markah)

**SOALAN 3**

Senaraikan LIMA (5) tujuan penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

(5 markah)

**SOALAN 4**

Huraikan dengan ringkas mengenai Sistem Dwi Perbankan yang terdapat dalam pelaksanaan sistem perbankan di Malaysia.

(5 markah)

**SOALAN 5**

Nyatakan LIMA (5) rukun Ar-Rahnu.

(5 markah)

**SOALAN 6**

Nyatakan peranan-peranan yang dimainkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

(5 markah)

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a) Berikan definisi Ar-Rahnu daripada segi bahasa dan syarak

(4 markah)

b) Jelaskan **EMPAT (4)** kelebihan Ar-Rahnu berbanding dengan pajak gadai konvensional.

(12 markah)

c) Nyatakan **DUA (2)** konsep asas yang terdapat dalam Ar-Rahnu.

(4 markah)

**SOALAN 2**

a) Nyatakan **EMPAT (4)** sistem perlindungan yang dilaksanakan pada zaman Rasulullah SAW yang menggunakan konsep insuran.

(4 markah)

b) Jelaskan **TIGA (3)** asas falsafah yang digunakan dalam perlaksanaan insuran Islam (Takaful).

(6 markah)

- c) Huraikan dengan jelas **LIMA (5)** perbezaan di antara Takaful dan Insurans Konvensional.

(10 markah)

### SOALAN 3

- a) Huraikan **EMPAT (4)** rukun Bai' Al-Salam beserta dengan contoh yang sesuai.

(8 markah)

- b) Bai' Al-Salam hanya menjadi kontrak yang sah jika enam syaratnya dipatuhi. Jelaskan secara terperinci syarat-syarat tersebut.

(12 markah)

### SOALAN 4

- a) Berikan definisi riba'-riba' di bawah:

- i. Riba' Al-Qardh
- ii. Riba' An-Nasa'
- iii. Riba' Al-Fadhl
- iv. Riba' Jahiliyyah

(8 markah)

- b) Terangkan hikmah pengharaman riba'.

(4 markah)

- c) Jelaskan **TIGA (3)** ancaman bagi orang Islam yang mengamalkan riba'.

(6 markah)

- d) Datangkan satu dalil yang mengharamkan riba'

(2 markah)

### KERTAS SOALAN TAMAT

